

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 4, Issue 4, August 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

www.msocsciences.com**Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta****Noor Azmira Mohamed¹, Nor Azlili Hassan¹**¹Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)Correspondence: Noor Azmira Mohamed (azmira@utar.edu.my)**Abstrak**

Perlembagaan Malaysia telah menetapkan Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar pendidikan (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2013). Penggunaan Bahasa Melayu sepatutnya tidak boleh diganggu lantas menjadi medium penting dalam mewujudkan keharmonian dan mengukuhkan perpaduan masyarakat di Malaysia. Namun, hari ini didapati pengukuhan BM terus dicabar dan melemahkannya sebagai bahasa kebangsaan dan perpaduan akibat daripada pengaruh dan perkembangan orde baru dunia yang menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris (BI) dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan perhubungan lebih diberikan keutamaan berbanding bahasa Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010). Penekanan ke atas kepentingan bidang sains dan teknologi serta BI telah menyebabkan ada segelintir individu mula hilang keyakinan pada BM termasuklah dalam kalangan pelajar di universiti swasta yang terdiri daripada majoriti etnik bukan Melayu dan lebih menggunakan BI sebagai medium pembelajaran. Tambahan pula, wujud kelompok pelajar yang lebih selesa menggunakan bahasa ibunda mereka berbanding BM. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu penggunaan BM di institusi pengajian tinggi swasta serta menganalisis faktor kelemahan penggunaan BM dalam kalangan pelajar universiti swasta. Justeru, satu kajian telah dijalankan ke atas 100 orang pelajar di universiti swasta dengan menggunakan kaedah pensampelan secara rawak. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengukuhan pelajar universiti swasta terhadap BM adalah sederhana. Ini adalah kerana keutamaan pelajar terhadap BI, kurang kefasihan dalam BM, kurang kerjasama dan usaha dalam kalangan pensyarah dan pihak pengurusan universiti, kurang menitikberatkan maksud perlembagaan dan kurang keyakinan terhadap status BM adalah antara isu-isu penggunaan BM di institusi pengajian tinggi swasta. Justeru, senario pengukuhan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti swasta ini tidak boleh dipandang ringan dan perlu diperkukuhkan sebelum mengalami ancaman kepupusan kerana Bahasa Melayu berpotensi besar dalam pelbagai bidang dan generasi ini mampu mencorakkan kestabilan hubungan sosial dan kelangsungan pemertabatan bahasa Melayu dalam ketamadunan Malaysia.

Kata kunci: bahasa Melayu, pelajar universiti, perpaduan**Strengthening of Malay Language as Language of Unity in Private Higher Education Institutions****Abstract**

The Malaysian Constitution has set Malay language as the official language of the country and the medium of teaching and learning (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2013). The usage of the

Malay language should not be disturbed as it becomes an important medium in establishing and strengthening the harmonious and unity of the Malaysian society. However, it is found today that the solidification of Malay language has continuously been challenged and undermined it as a national and unity language as a result of the influence and development of the world's new order which shows that the usage of English language has been prioritised in the field of education, employment and communication (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010). The emphasis on the importance of science and technology as well as English language has been resulted in losing confidence towards the Malay language among some individuals including the non-Malay students from the private universities and those who are using English language as their learning medium. Furthermore, there is a group of students who are more convenience in using their mother tongues languages than the Malay language. This study aims to discuss the issue of the usage of Malay language in the private higher education institutions and to analyse the weaknesses in the usage of Malay language among the private university students. Hence, a study was conducted on 100 private university students by using random sampling methods. The findings reveal that the level of strengthening of Malay language among the private university students is moderate. This is due to the issues of Malay language usage in the private universities including the students' priorities on the English language, lacking of fluency in Malay language, lacking of co-operation and efforts among the lecturers and university management, lacking of emphasis on constitutional meanings and lacking of confidence on the status of Malay language. Thus, the scenario in strengthening the Malay language among the private university students should not be undervalued but need to be strengthened prior to the threat of destruction as Malay language has the greatest potential in various fields and this generation is able to shape the stability of social relations as well as the continuity of the Malay language in the Malaysian civilization.

Keywords: Malay language, university students, unity

Pengenalan

Perpaduan adalah medium penting dalam mewujudkan dan mengekalkan keharmonian dan kestabilan masyarakat di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan. Perpaduan juga merupakan satu proses dalam menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara agar setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga terhadap tanah air (Shamsul Amri, 2007). Antara usaha tuntas yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam membentuk perpaduan antara kaum adalah dengan mewujudkan satu bahasa yang boleh difahami oleh semua lapisan masyarakat dalam negara. Selaras dengan faktor sejarah yang menunjukkan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa terawal digunakan di Tanah Melayu dan mempunyai jumlah penutur terbanyak, Bahasa Melayu telah diangkat sebagai Bahasa Kebangsaan dan secara tidak langsung diharap dapat menjadi agen pemupukan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang etnik dan bangsa yang ada di Malaysia.

Untuk memastikan peranan dan fungsi Bahasa Melayu terpelihara, peruntukan yang berkaitan dengan Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai sebahagian daripada peruntukan penting dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Melalui perkara ini, Bahasa Melayu telah dipilih sebagai lambang jati diri warganegara Malaysia. Pada zaman pemerintahan British, Bahasa Melayu hanyalah menjadi bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Sekolah-sekolah vernacular etnik lain pula menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri iaitu Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Perkara ini berlaku disebabkan oleh dasar pecah dan perintah penjajah British pada masa itu. Namun, apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu telah dilakukan oleh pembesar-pembesar Melayu. Pada tahun 1956, Penyata Razak telah dilaksanakan setelah diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran pada tahun 1957. Bahasa Melayu telah diberi hak keistimewaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah lantas telah menjadi alat perpaduan kebangsaan dan alat komunikasi pelbagai kumpulan etnik dialek serta bahasa.

Namun, perkembangan Bahasa Melayu pada abad ini amat merisaukan. Jauh sekali jika dibandingkan dengan fungsi dan peranan bahasa Melayu pada abad ke-7 yang mana Bahasa Melayu pernah muncul

sebagai bahasa *lingua franca* atau bahasa perhubungan utama di Nusantara. Pada waktu itu, Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa utama dunia yang mempunyai bilangan penutur melebihi 300 juta orang dan merupakan antara bahasa yang mempunyai penutur terbanyak di dunia. Jumlah penutur ini merangkumi seluruh penduduk di dunia seperti Malaysia, Indonesia, Brunei Singapura, selatan Filipina, selatan Thai, Kemboja, Afrika Selatan, Sri Lanka dan lain-lain. Pada zaman kegemilangannya, bahasa Melayu senantiasa menjadi petunjuk dan kayu ukur terhadap kemajuan bangsa Melayu sendiri (Awang Sariyan, 2013). Tidak dinafikan lagi bahawa Bahasa Melayu diperakui sebagai bahasa bersifat kebangsaan berasaskan kepada gerak sejarah yang telah dilaluinya. Atas kepentingan inilah Bahasa Melayu dikodifikasikan dalam Perlembagaan Malaysia (Perkara 152) sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Penggunaan Bahasa Melayu turut memberi implikasi terhadap dasar pendidikan negara. Hari ini, peranan dan fungsi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu seakan-akan semakin tidak relevan, terpinggir dan gagal mendapat tempat di hati masyarakat bukan sahaja masyarakat dari etnik lain, malah dilupakan dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri, khususnya dalam kalangan para pelajar di institusi pengajian tinggi tidak kira sama ada di institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta. Bahasa Melayu seolah-olah tidak relevan lagi dijadikan sebagai bahasa pengantar utama dalam penyampaian kuliah di universiti, di mana 90 peratus kursus di kedua-dua universiti awam atau swasta di ajar menggunakan Bahasa Inggeris.

Situasi ini berlaku disebabkan oleh perkembangan ode baru dunia yang menunjukkan pengaruh Bahasa Inggeris yang nyata lebih kuat daripada Bahasa Melayu dan telah menyebabkan Bahasa Melayu mulai ketinggalan dan terpinggir. Malah, bukan sahaja dalam bidang pendidikan, tetapi bidang lain juga menampakkan pilihan terhadap Bahasa Inggeris jauh lebih tinggi berbanding Bahasa Melayu. Umpama melukut di tepi gantang, Bahasa Melayu mulai mengalami zaman kegelapannya. Jika tiada usaha bersungguh-sungguh dilakukan untuk memupuk dan meningkatkan kembali penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat khususnya dan pelajar-pelajar IPT amnya, sudah pasti suatu hari nanti tidak mustahil Bahasa Melayu akan terhapus dengan sendirinya.

Fenomena ini telah menimbulkan permasalahan yang ketara dalam memperkasakan Bahasa Melayu dan melaksanakan fungsinya sebagai bahasa penyatuan kaum dengan lebih berkesan kerana semakin hari peranan dan kepentingan Bahasa Melayu kian terhakis. Malah, situasi ini menjadi semakin serius apabila masih ada golongan yang tidak sedar dan tidak faham tentang kandungan perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perhubungan antara etnik yang berbilang bangsa di Malaysia. Cabaran-cabaran yang wujud hari ini sehingga menjadikan Bahasa Melayu semakin terpinggir akan menyumbang pada faktor kegagalan dasar kerajaan dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan dan integrasi antara kaum. Oleh yang demikian, usaha pemupukan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa pilihan utama di institusi pengajian tinggi dan sekolah perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh demi memartabatkan semula Bahasa Melayu sesuai dengan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu.

Terdapat beberapa kajian yang telah membincangkan tentang isu penggunaan Bahasa Melayu dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar berlainan etnik di sekolah sama ada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah kebangsaan atau jenis kebangsaan dan juga di instituti pengajian tinggi. Namun jumlah kajian yang dijalankan masih sedikit dan tidak menyeluruh dan jumlah kajian berkaitan isu ini perlulah bersifat semasa. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap kesedaran dan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan golongan pelajar di universiti swasta. Selain itu, kajian ini juga turut membincangkan faktor kelemahan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti swasta. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif sebagai cara untuk mendapatkan maklumat dan pandangan daripada responden berhubung tahap penggunaan Bahasa Melayu dan faktor kelemahan penggunaan bahasa tersebut. Kajian kuantitatif ini melibatkan pengumpulan data utama melalui tinjauan soal selidik ke atas 100 orang pelajar di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Management Science University (MSU) iaitu seramai 23 orang pelajar etnik Melayu, 33 orang pelajar etnik India dan 47 orang pelajar etnik Cina. Borang soal selidik dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu demografik, tahap penggunaan Bahasa

Melayu dan faktor kelemahan penggunaan Bahasa Melayu. Borang soal selidik telah melalui proses kesahihan dan kebolehpercayaan sebelum data sebenar dikumpulkan.

Tinjauan Literatur

Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan utama, bahasa undang-undang-undang, bahasa ilmu dan bahasa dalam hal-hal keagamaan. Sebagai bahasa ilmu, Bahasa Melayu menjadi wasilah pengungkapan dan pengembangan ilmu yang cukup luas. Dalam bidang sastera, Bahasa Melayu menjadi bahasa sastera yang meliputi pelbagai bentuk prosa dan puisi. Di samping itu, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa undang-undang bagi hampir setiap kesultanan Melayu; antaranya yang amat masyhur ialah Hukum Kanun Melaka. Di peringkat antarabangsa pula, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan diplomatik apabila digunakan dalam warkah dan perutusan serta perjanjian dengan kuasa-kuasa dan pihak-pihak asing (Awang Sariyan, 2013).

Setiap kelompok dalam masyarakat mempunyai pegangan agama masing-masing, kebudayaan, bahasa dan cara hidupnya sendiri, namun mereka masih mampu bergaul dengan kelompok yang lain dengan menggunakan satu bahasa yang difahami bersama. Oleh yang demikian, setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira etnik, wajib mempelajari Bahasa Melayu. Hal ini jelas dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1961 yang berteraskan kepada Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib yang menggariskan tiga asas utama iaitu pelaksanaan satu system pendidikan yang seragam, Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sekolah dan kurikulum serta peperiksaan adalah sama dan bercorak kebangsaan (Mohamad Rodzi, 2009). Mata pelajaran Bahasa Melayu pula dijadikan sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di semua peringkat sekolah jenis kebangsaan (Ramlah Adam, 2014). Selain itu, bahasa juga menjadi syarakat utama dalam membentuk perpaduan di Malaysia (Najeemah, 2011) dan sebagai alat pembentukan identiti nasional atau alat penyatuan kaum di Malaysia (Mohamad Rodzi, 2009). Ini bermaksud, Bahasa Melayu merupakan asset terpenting Negara dalam membina perpaduan kelompok berbeza etnik.

Sekiranya semua kelompok rakyat dapat bersatu di bawah iltizam dan tekad yang sama, perpaduan di Malaysia akan dapat dilaksanakan dengan mewujudkan masyarakat yang muhibah. Negara boleh membina masyarakat yang muhibah melalui komunikasi yang jelas dan santun. Di sinilah boleh dilihat kepentingan peranan Bahasa Melayu dalam negara yang mengamalkan prinsip kesatuan dalam kepelbagaian kerana hanya Bahasa Melayu yang mampu berperanan sebagai alat perpaduan. Kajian yang dijalankan oleh Ang Lay Hoon dan Che Radiah Mezah (2012) menjelaskan bahawa kemasukan pelajar etnik Cina di sekolah kebangsaan mampu memberi peluang kepada pelajar-pelajar pelbagai etnik untuk bergaul dan mendapat pendedahan sebenar tentang budaya dan kaum yang merupakan langkah utama ke arah perpaduan. Walaupun wujud penyalahgunaan dalam tatabahasa Bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar bukan etnik Melayu, namun percubaan dan kegigihan mereka untuk bertutur dalam Bahasa Melayu menunjukkan tentang kewujudan nilai kesantunan bahasa dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di sekolah.


Boleh dikatakan bahawa kejayaan interaksi sosial adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Ini termasuklah sikap mereka sendiri yang berada dalam situasi interaksi sama ada mereka bersedia untuk mewujudkan interaksi ataupun tidak; sifat interaksi itu sendiri sama ada bersifat persaingan atau kerjasama; dan situasi interaksi sama ada mendorong atau menghalang berlakunya perpaduan etnik (Rosman Md. Yusoff dan Kassim Thukimin, 2009). Justeru, perpaduan akan terhasil daripada keberkesanan proses interaksi kaum yang melibatkan iklim interaksi antara etnik, kerjasama antara etnik dan juga persaingan dalam kalangan etnik. Tambahan pula, interaksi sosial bukannya berlaku antara individu sahaja tetapi turut melibatkan antara individu dan kelompok atau kelompok dengan kelompok yang lain.

Penemuan Dan Perbincangan

Ada dua persoalan yang akan diuraikan dalam kajian ini. Pertama, mengenai tahap kesedaran dan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti swasta. Bahagian ini melihat sama ada golongan pelajar universiti ini sedar ataupun tidak bahawa mereka menggunakan Bahasa Melayu mahupun sebaliknya. Kedua, mengenai faktor kelemahan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti swasta.


Tahap Kesedaran dan Penggunaan Bahasa Melayu

Rajah 1 menunjukkan bahasa pilihan sekiranya responden diberi peluang untuk meningkatkan tahap penguasaan dan mendalami bahasa tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti sikap dan pemikiran mahasiswa IPTS di UTAR dan MSU memilih untuk lebih mendalami Bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa-bahasa lain termasuklah bahasa kebangsaan.



Rajah 1: Bahasa pilihan responden sekiranya diberi peluang untuk meningkatkan tahap penguasaannya

Rajah 2 menunjukkan dapatan mengenai penggunaan Bahasa Melayu di kampus adalah kurang penting. Seramai 28 orang pelajar sangat bersetuju bahawa Bahasa Melayu adalah kurang penting digunakan di Kampus.




Rajah 2: Ketidakterpentingan Penggunaan Bahasa Melayu di Kampus

Ini adalah kerana semua subjek yang diajar di universiti adalah menggunakan Bahasa Inggeris kecuali beberapa subjek wajib universiti seperti Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu Komunikasi, Subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Moral yang diajar dalam medium Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajaran. Manakala 23 orang pelajar pula hanya bersetuju bahawa bahasa Melayu kurang penting digunakan di kampus. Hal ini demikian kerana mereka masih lagi perlu menggunakan Bahasa Melayu terutamanya apabila menghadiri kelas yang dikendalikan dalam Bahasa Melayu. Walaupun tidak setuju, mereka tetap perlu menggunakan Bahasa Melayu walau

pun bukan kerap. Namun, mereka mengakui bahawa Bahasa Melayu bukanlah bahasa yang amat penting, di mana, mereka masih bebas membuat pilihan sama ada berkomunikasi dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris di dalam atau di luar dewan kuliah walaupun sewaktu pengajaran subjek Bahasa Melayu.

Seramai 32 orang pelajar responden jelas menyangkal dan tidak bersetuju dengan pernyataan ini dan berpendapat bahawa peranan Bahasa Melayu masih penting terutamanya digunakan dalam kalangan pelajar di kampus. Hal ini demikian kerana, adalah menjadi tanggungjawab mereka sebagai pelajar universiti untuk sentiasa cuba menyeimbangkan penggunaan Bahasa Melayu dan bahasa lain terutamanya Bahasa Inggeris. Namun, mereka masih tidak dapat menafikan hakikat bahawa penggunaan Bahasa Inggeris adalah lebih diperlukan dalam suasana pembelajaran di universiti. Selain itu, terdapat seramai 17 orang pelajar yang sangat tidak bersetuju dan berpendapat bahawa sebagai rakyat Malaysia, semua orang harus menggunakan bahasa kebangsaan dengan penuh rasa bangga kerana ia merupakan identiti negara yang merdeka dan bermaruah. Mereka berpendapat bahawa, tidak kira apa jua latar bangsa dan etnik, para pelajar seharusnya sentiasa perlu menguasai dan menggunakan Bahasa Melayu untuk berhubung bagi merapatkan lagi hubungan antara semua etnik dengan penuh rasa bangga dan bertanggungjawab.



Carta 1: Penguasaan Terhadap Bahasa Kebangsaan Dapat Mengelakkan Perselisihan Fahaman Antara Kaum

Carta 1 di atas menunjukkan dapatan responden mengenai kepentingan menguasai Bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan untuk mengelak perselisihan fahaman antara kaum. Data menunjukkan seramai 60% daripada responden berpendapat bahawa penguasaan terhadap Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan tidak memberikan apa-apa impak negatif dan positif terhadap perpaduan kaum dan perselisihan fahaman antara kaum. Penggunaan bahasa kebangsaan dalam kehidupan dan semasa berkomunikasi dengan individu dari etnik lain tidak memberi apa jua signifikan terhadap situasi atau kemungkinan wujudnya situasi salah fahaman di antara etnik terhadap isu-isu yang melibatkan bahasa dan budaya etnik tersebut dengan etnik-etnik lain. Hanya 40% responden yang merasakan bahawa penguasaan dan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi harian dapat mengelakkan wujudnya perselisihan fahaman antara kaum di Malaysia.


Justeru, dalam usaha pengukuhan dan pemupukan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di IPTS, dapatan ini amat membimbangkan kerana ia jelas tidak selari dengan hasrat kerajaan yang berusaha menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama dan bahasa pemangkin perpaduan negara. Para mahasisiwa seharusnya berdiri di belakang pihak kerajaan untuk memperjuangkan kedaulatan bahasa yang menjadi lambang negara bangsa yang berdaulat dan berada di hadapan dalam perjuangan memartabatkan bahasa kebangsaan demi negara tercinta. Bahasa melambangkan bangsa Malaysia yang berdaulat dan bersatu teguh tanpa mengira etnik dan bangsa harus dipelihara dan dijaga sebaik mungkin agar identiti bangsa Malaysia secara umumnya tidak terhakis disebabkan rakyatnya sendiri yang semakin menolak Bahasa Melayu kerana dianggap tidak standing dengan bahasa Inggeris.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di universiti swasta berada pada tahap yang sederhana. Komunikasi dalam Bahasa Melayu dilihat agak terhad (Ang Lay Hoon dan Che Radiah, 2012) di universiti swasta kecuali di dalam kelas pengajaran Bahasa Melayu. Pelajar-pelajar juga didapati kurang bertutur dalam Bahasa Melayu (Najeemah, 2005). Ini menunjukkan bahawa hasrat kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Melayu adalah kurang berjaya. Tahap penggunaan Bahasa Melayu di universiti swasta adalah sederhana disebabkan kurangnya penggunaan bahasa tersebut dalam interaksi dengan kawan atau pihak pentadbiran. Pelajar etnik Cina biasanya berkeupayaan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dalam situasi tertentu sahaja dan tidak mampu untuk berhujah tentang sesuatu isu secara mendalam, lancar dan berkeyakinan dalam Bahasa Melayu (Ang dan Che Radiah, 2012). Ini bermaksud bahawa tahap penggunaan Bahasa Melayu di luar konteks universiti berada pada tahap yang lemah. Situasi ini mungkin disebabkan oleh polarisasi kaum di alam kampus yang boleh menjejaskan perpaduan. Pelajar-pelajar dilihat lebih suka bergaul dengan rakan yang sama etnik dalam setiap keadaan yang mana ianya disebabkan oleh proses sosialisasi yang mereka lalui sebelum memasuki alam universiti (Mansor Mohd Noor et. el., 2010).

Dapatan ini adalah amat mendukacitakan apabila mahasiswa hari ini kelihatan tidak berusaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan yang sepatutnya menjadi kebanggaan setiap bangsa. Malah, mahasiswa seolah-olah cuba mencari keburukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dianggap tidak relevan digunakan dalam bidang akademik kerana tidak mempunyai istilah yang mencukupi terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, tidak boleh bersaing dengan Bahasa Inggeris dan paling memalukan ialah terdapat juga golongan mahasiswa yang berasa malu untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu kerana seolah-olah status bahasa Melayu dianggap lebih rendah dari Bahasa Inggeris. Lebih menyedihkan lagi apabila wujud senario pencemaran dan penghakisan Bahasa Melayu yang berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia terutama golongan remaja dan belia Melayu di mana semua perkataan disingkatkan dan perkataan yang tiada dalam kamus atau perbendaharaan kata telah sewenang-wenangnya diwujudkan. Fenomena ini boleh dilihat jelas terutamanya dalam aplikasi yang melibatkan gajet, tablet dan lain-lain. Golongan yang sepatutnya mencintai bahasa ibunda dan menjiwai bahasa sebagai jiwa bangsa sendiri dilihat begitu rakus menodai bahasa melalui penggunaan singkatan yang melampau dan istilah rekaan yang hanya difahami oleh golongan mereka sahaja.

Faktor Kelemahan Penggunaan Bahasa Melayu

Dapatan kajian dalam Rajah 3 menunjukkan 23.3% daripada responden berpendapat bahawa bahasa ibunda akan menghalang interaksi antara para mahasiswa berbilang etnik di kampus.




Rajah 3: Perbezaan Bahasa Ibunda Menghalang Interaksi di Universiti

Manakala 76.7% daripada responden merasakan bahawa tiada sebarang masalah terhadap perbezaan bahasa ibunda dalam pergaulan harian. Bahkan, perbezaan bahasa ibunda tidak memberikan kesan terhadap kecacatan interaksi di antara etnik berbeza kerana mereka masih boleh berinteraksi antara satu sama lain dengan baik menggunakan Bahasa Inggeris. Tiada sebarang kecacatan dari sudut pandangan eksplisit terhadap hasil dapatan kajian ini kerana perhubungan dan perpaduan jelas boleh diteruskan walaupun tanpa penggunaan bahasa Melayu kerana masih lagi mereka bebas menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan.


Namun realitinya, dapatan ini amat membimbangkan kerana apabila ditinjau dari sudut kesedaran pelajar terhadap bahasa kebangsaan, jelas menunjukkan bahawa tiada responden pun yang menunjukkan bahawa mereka begitu memerlukan penggunaan Bahasa Melayu dan mengambil serius tentang peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan. Hal ini demikian kerana, walaupun mereka tidak menggunakan Bahasa Melayu, mereka tetap tidak mengalami sebarang kesulitan untuk berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain.

Dapatan dalam Rajah 4 menunjukkan sikap majoriti pelajar di kedua-dua IPTS terhadap penguasaan Bahasa Melayu serta peranannya dalam pembentukan perpaduan di antara semua mahasiswa berlainan etnik dan bangsa. Lebih kurang 46.7% responden berpendapat bahawa kurang kefasihan untuk bertutur dalam Bahasa Melayu akan menjadi halangan dalam pembentukan perpaduan manakala selebihnya iaitu 53.3% merasakan bahawa kurang kefasihan dalam pertuturan menggunakan Bahasa Melayu tidak mendatangkan sebarang impak terhadap perhubungan kaum dan pembentukan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Walaupun Bahasa Melayu mereka tidak lancar dan tidak fasih bertutur dalam Bahasa Melayu, mereka masih boleh berkomunikasi dan berhubung baik dengan etnik lain. Oleh hal yang demikian, penggunaan Bahasa Melayu semakin berkurang dan tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan mahasiswa. Situasi seperti ini sememangnya merupakan suatu fenomena yang semakin memberi kesan yang tidak baik terhadap perkembangan dan usaha pengukuhan Bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar di universiti.



Rajah 4: Kurang Kefasihan Bertutur dalam Bahasa Melayu akan Menjadi Halangan dalam Pembentukan Perpaduan

Selain itu, seramai 72 % pelajar bersetuju bahawa Bahasa Melayu sudah tidak relevan digunakan sebagai bahasa ilmu dan mereka lebih memilih Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang lebih efektif dalam bidang pendidikan sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Carta 2 di bawah. Tambahan pula, semua bahan bacaan adalah dalam Bahasa Inggeris. Ini menyebabkan para pelajar tidak merasakan bahawa Bahasa Melayu itu sesuatu yang sangat penting kerana tanpa memahami bahasa Melayu pun, mereka masih boleh cemerlang dalam bidang akademik. Situasi ini amat membimbangkan kerana ia menunjukkan bahawa fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu kian terhakis dan semakin ditolak penggunaannya dalam kalangan pelajar.



Carta 2: Bahasa Melayu Sudah Tidak Relevan Digunakan Sebagai Bahasa Ilmu

Kegagalan Bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan generasi berilmu abad ke-21 mungkin disebabkan oleh kegagalan dasar kerajaan dalam melestarikan dan mengukuhkan peranan dan fungsi Bahasa Melayu sama ada di peringkat pendidikan rendah, menengah dan universiti. Selain itu, situasi semasa yang kurang mengaplikasikan penggunaan Bahasa Melayu di tahap yang maksimum di dalam bilik darjah terutamanya dalam kalangan kaum yang berbeza juga menjadi faktor penting yang menyebabkan kegagalan Bahasa Melayu menjadi bahasa pilihan pelajar IPT terutamanya university swasta. Lebih menyedihkan apabila golongan pelajar ini didapati memandang dingin terhadap penggunaan dan kepentingan Bahasa Melayu sama ada dalam komunikasi harian atau sebagai bahasa ilmu. Posisi baru pendidikan yang menekankan kepentingan sains dan teknologi serta Bahasa Inggeris (BI) telah menyebabkan ada segelintir rakyat mula hilang keyakinannya terhadap Bahasa Melayu (BM) (Nor Hashimah Jalaluddin, 2010). Salah satu permasalahan yang dihadapi oleh Bahasa Melayu dalam melaksanakan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa penyatuan ialah kurang keyakinan dalam kalangan pengguna bahasa itu sendiri. Perasaan kurang yakin terhadap kredibiliti, kepentingan serta nilai Bahasa Melayu dalam kalangan pengguna sama ada golongan pentadbir, golongan profesional dan golongan pelajar-pelajar di universiti telah mendorong mereka memilih untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam urusan rasmi seperti dalam bidang pekerjaan, pendidikan, atau dalam semua urusan harian mereka sama ada yang melibatkan komunikasi harian di luar atau di dalam dewan kuliah, mahupun di dalam atau luar asrama.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, tahap kesedaran dan penggunaan Bahasa Melayu di university swasta adalah sederhana berdasarkan hasil dapatan kajian. Kepentingan penggunaan dan penguasaan memainkan peranan yang penting sebagai agen perpaduan dalam Negara yang berbilang etnik seperti Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, jelas sekali menunjukkan bahawa Bahasa Melayu semakin di tolak oleh golongan pelajar IPTS seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan MSU, malah tidak mustahil hasil dapatan yang hampir sama juga akan diperolehi terhadap kajian yang sama jika dilakukan di universiti-universiti lain tidak kira sama ada universiti awam atau swasta.

Tuntasnya, dapatan di atas menunjukkan bahawa para pelajar IPT di Malaysia masih kurang kesedaran dan pemahaman terhadap fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan dalam pelaksanaan Dasar Integrasi Nasional oleh pihak kerajaan. Lantaran itu mereka tidak merasakan keperluan dan tanggungjawab untuk menggunakan, mempertahankan dan meningkatkan prestasi Bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Hasilnya, bahasa Inggeris lebih menjadi pilihan sebagai bahasa perhubungan selain daripada bahasa ibunda masing-masing. Lantaran itu, usaha yang lebih proaktif perlu dilakukan dalam meningkatkan penggunaan Bahasa Melayu dan memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan mahasiswa IPTS khususnya dan IPT amnya. Justeru, sebagai warganegara Malaysia, kebolehan berbahasa Melayu boleh dianggap wajib untuk

dikuasai bagi mencapai keberkesanan dalam interaksi sosial demi menjamin kestabilan perpaduan dalam negara.

Rujukan

- Ang Lai Hoon & Che Radiah Mezah. 2012. Masalah Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina di Malaysia. *Jurnal Sosiohumanika* 5(2).
- Chew Peh Ting. 1979. *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Mohd Noor. 2010. Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini. *Jurnal Demokrasi* 9(2): 186-207.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Cabaran Integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari* 3:61-84.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. 2009. Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 36(2009):90-106.
- Najeemah Mohd Yusof. 2005. Pola interaksi dalam kalangan murid pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan sekitar Sungai Petani, Kedah. *Tesis Doktor Falsafah*. Bayan Lepas: Universiti Sains Malaysia.
- Najeemah Mohd Yusof. 2011. Language and Ethnic Boundary among Students of Various Ethnicities in Secondary Schools in Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan Sosiohumanika* 4(2): 211-228.
- Ramlah Adam. 2014. Pendaulation Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu di Malaysia: Sejarah dan kedudukan masa kini. *Proceeding of Symposium of International Language and Knowledge (SiLK 14)*.
- Rosman Md. Yusoff & Kassim Thukimin. 2009. Teori dan pemikiran mengenai Hubungan Etnik. Dlm. Kassim Thukimin & Hamidah Abdul Rahman *Hubunagn Etnik di Malaysia: Perspektif, Teori dan Praktik* 17-53. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Zulkifley Hamid & Naidatul Zamrizam Abu. 2013. Memupuk perpaduan di Malaysia – Santun bahasa dalam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri. *Malaysian Journal of Society and Space* 9(4): 86-98.